

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) sedang memperluas kerjasama antarabangsa dengan institusi di negara-negara berasaskan teknologi dan perindustrian termasuk Jepun.

Pengarah Pusat Pengantarabangsaan dan Penglibatan Global UMS Prof Dr Ho Chong Mun berkata kerjasama seumpama itu penting bagi menerapkan budaya kerja maju, pengetahuan dan pengalaman kepada pelajar serta pensyarah sejajar dengan perkembangan pesat Revolusi Industri 4.0.

“Sebagai contoh Kindai University Jepun, setiap tahun kita akan menghantar pelajar untuk menjalani latihan industri ke universiti itu sebagai sebahagian daripada pengisian kerjasama yang terjalin.

“Di sana, mereka mengalami sendiri suasana dan budaya kerja lebih keterhadapan sekali gus mendokong kepada usaha universiti untuk merealisasikan graduan lebih bersedia dan terbukti kemampuannya untuk bekerja atau dikenali sebagai ‘future-ready graduate’,” katanya di sini, Jumaat.

Beliau berkata demikian ketika mengulas kunjungan rasmi Konsul Pejabat Konsular Jepun di Kota Kinabalu Kako Shiho kepada Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr D Kamarudin D Mudin baru-baru ini.

Menurut Ho, UMS juga akan manan-

datangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan dua lagi universiti terkenama di Jepun pada tahun ini.

Kerjasama itu akan merangkumi program pertukaran kakitangan dan pelajar, kerjasama dalam bidang penyelidikan, penempatan latihan industri pelajar UMS di syarikat-syarikat Jepun selain pelbagai lagi kerjasama lain yang memberi manfaat kepada kedua-dua pihak, katanya.

“Berhubung dengan kerjasama ini, Konsul Jepun turut berbesar hati menawarkan bantuan sekiranya terdapat sebarang keperluan dari pihak UMS.

“Dalam masa sama, beliau juga memaklumkan untuk membantu mencari syarikat-syarikat daripada Jepun yang berminat melabur ke negara ini khususnya di Sabah,” katanya.

Pada kunjungan hormat itu, Kako yang baru dilantik sebagai Konsul Jepun di Kota Kinabalu pada 21 Mac lepas hadir ditemani Timbalannya Ai Tsukamoto.

Turut hadir menyambut kunjungan beliau Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi Prof Madya Ts Dr Ramzah Dambul.